



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 1/2013  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Alhamdulillah bersyukur kita kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya jua kita dapat sama-sama melangkah ketahun baru Masihi 2013 dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan. Dalam kita melangkah ke tahun baru ini, sebagai warga perkhidmatan awam yang berperanan selaku tunjang dan nadi penggerak kepada pembangunan sosio-ekonomi bangsa marilah kita sama-sama mempertingkatkan khidmat bakti dan usaha kepada Negara dengan mempertingkatkan lagi azam, semangat dan iltizam yang lebih tinggi bagi memperbaiki kelemahan, meningkatkan produktiviti dan membuat sebarang perubahan dan pembaharuan bagi mencapai wawasan 2035.

Sepanjang tahun 2012, berbagai pencapaian dan inisiatif telah berjaya dilaksanakan dimana kita telah dapat menyaksikan berbagai usaha telah dan sedang dibuat oleh Kementerian dan Jabatan yang antara lainnya penggubalan undang-undang dan peraturan-peraturan yang meliputi keugamaan, pendidikan, perekonomian dan kesejahteraan, yang dihasilkan dari kerjasama yang padu antara semua agensi yang berkenaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah Baginda menjelang awal tahun 2013 menyeru untuk kita menguatkan lagi azam dan usaha untuk menjadikan masyarakat kita lebih progresif dan tahan lasak dalam menghadapi cabaran-cabaran abad ke-21. Pelbagai usaha diteruskan bagi mengukuhkan kedudukan fiskal negara bagi program pembangunan pada tahun 2013 yang diharap membolehkan sektor swasta berkembang dengan pesat. Baginda menitikberatkan mengenai dengan peluang-peluang pekerjaan anak-anak tempatan di sektor swasta, penyediaan sumber tenaga manusia yang berkualiti khasnya dari kalangan para pelajar, dan peningkatan dalam pelaksanaan projek-projek RKN 10 .

...2/-



- 2 -

Selaku Pengerusi ASEAN pada tahun ini, marilah kita sama-sama mendokong hasrat Baginda bagi menjayakan mesyuarat Kemuncak ASEAN bagi Ketua-Ketua Kerajaan Negara-Negara Ahli ASEAN dan mesyuarat Kemuncak ASEAN bersama Negara-Negara Rakan, dan seterusnya untuk menggunakan peluang ini untuk menyumbang kepada keamanan dan kesejahteraan serantau serta global.

Demi untuk sama-sama mencapai perubahan yang bermakna, beberapa langkah dan usaha perlu diambil untuk meningkatkan kemajuan dan produktiviti Negara. Anggota Perkhidmatan Awam perlu menyambut dan seterusnya mendokong setiap usaha itu dengan sikap dan *mindset* yang positif. Justeru itu setiap faktor pemangkin atau penggerak dalam perkhidmatan awam hendaklah diberi perhatian dengan sebaiknya. Pertama, struktur organisasi dan skim perkhidmatan perlu disusun pada taraf yang terbaik supaya saluran komunikasi dan maklumat, proses membuat keputusan, tugas dan tanggungjawab dapat dihuraikan dengan lebih mudah. Kedua, sistem dan proses dalaman hendaklah dipantau supaya ia sentiasa setara dengan peredaran masa dan relevan dengan kehendak orang ramai. Oleh itu, penambahbaikan perlu dititikberatkan. Ketiga, sumber-sumber yang ada pada setiap Kementerian dan Jabatan perlu diurus dengan bijak. Setiap pelaburan dari segi modal insan dan pembelian aset dan teknologi perlu ditadbir dan digunakan dengan optima supaya ianya membantu memperbaiki dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan.

Dalam kita merangka agenda pembaharuan bagi tahun 2013, adalah perlu bagi kita mempertingkatkan lagi usaha-usaha kearah mencapai hasrat Negara untuk menjadikan negara kita sebagai Negara Zikir. Prinsip-prinsip Melayu Islam Beraja hendaklah diteraskan dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai. Oleh itu, anggota perkhidmatan awam juga perlu menanai integriti yang tinggi bagi memelihara imej dan kredibiliti perkhidmatan awam.

...3/-



- 3 -

Pada kesempatan ini, Jabatan Perdana Menteri ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua lapisan warga perkhidmatan awam termasuk mereka yang bertugas di Kedutaan-Kedutaan Besar dan Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam serta agensi-agensi Kerajaan di luar negara, atas segala usaha, khidmat bakti dan sokongan yang diberikan serta taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Akhir sekali, marilah kita sama-sama berdoa semoga usaha-usaha murni kita akan sentiasa dirahmati dan diberkati demi meningkatkan taraf kesejahteraan, kemakmuran serta keamanan Negara ini.

Selamat Tahun Baru 2013

**"BERJIMAT TENAGA AMALAN MULIA"**

**[ HAJI MOHD 'ABDOH BIN DATO SERI SETIA HAJI ABDUL SALAM ]**  
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,  
Istana Nurul Iman,  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.

Rujukan: (01)JPM/SK/2013  
Tarikh : 5 Rabiulawal 1434  
17 Januari 2013